

Harga RON95 diapungkan mulai awal tahun depan

PUTRAJAYA - Berikutan pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP), harga petrol RON95 akan diapungkan semula bermula awal tahun hadapan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, harga RON95 akan dikekalkan pada kadar RM2.08 sehingga 31 Disember depan sahaja.

"Bermula tahun 2020, harga petrol RON95 akan diapungkan secara berperingkat sehingga setara dengan harga pasaran," katanya pada sidang media pengumuman program PSP di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Putrajaya semalam.

Saifuddin Nasution bagaimanapun berkata, penduduk di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan kekal menikmati harga RM2.08 kerana mereka dikecualikan PSP.

"Kerajaan mengambal kira keperluan pen-

duduk Sabah, Sarawak dan Labuan yang kebanyakannya menggunakan kenderaan berkapasiti enjin besar dan diesel.

"Oleh itu rakyat di sana dikecualikan daripada PSP dan pengapungan harga jualan runcit petrol RON95," katanya.

Menjawab kebimbangan rakyat terhadap peningkatan harga barangan berikutan pelaksanaan pengapungan harga petrol RON95, Saifuddin Nasution berkata, KPDNHEP akan meneruskan tugas Kementerian itu melakukan pemantauan.

"KPDNHEP mempunyai 3,000 kakitangan dan 2,300 pegawai pemantau harga di seluruh negara. Kami akan terus meneruskan kerja hakiki kementerian.

"Sekiranya terdapat kenaikan harga tidak munasabah orang awam boleh melaporkan aduan melalui 1800-886-800, aplikasi telefon pintar EzADU atau WhatsApp di talian 019-279 4317," katanya.